INSTITUSI UNDANG LUAK JELEBU: KAJIAN TERHADAP PERKEMBANGANNYA DAN ANALISIS KE ATAS KRISIS PERLANTIKAN UNDANG JELEBU 1980

KHAIRUDIN BIN ABBAS

Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Kepada Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Dalam Bidang Sejarah

"Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis dengan perkataan saya sendiri, melainkan nukilan-nukilan yang mana telah saya akui tiap-tiap satunya"

Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Sesi 1984/85

...khas buat,

Keluarga di kampung yang pernah "menangis"
keranaku dan juga Syaraidah yang dikasihi.

Sinopsis

Latihan Ilmiah ini penulis bahagikan kepada lima bab. Dalam bab pertama, penulis akan menyentuh tentang Sistem Politik Tradisional Jelebu. 'Sistem Politik Tradisional Jelebu' di sini merujuk kepada sistem politik yang diamalkan di Jelebu sebelum kedatangan Inggeris. Sehubungan dengan ini, penulis akan mengutarakan kedatangan Adat Perpatih dari Minangkabau dan pengubahsuaian adat tersebut dengan keadaan setempat. Penulis juga akan menyentuh kedudukan Undang secara umum dan juga peranan Dato'-dato' Lembaga yang Lapan di dalam melantik Undang. Di akhir bab ini, penulis akan menyentuh tentang sejarah kewujudan Institusi Yamtuan Jelebu dan peranan institusi tersebut.

Di dalam bab kedua pula, penulis akan mengkaji secara khusus tentang Institusi Undang Jelebu dan perkembangannya sehingga tahun 1945. Perkara-perkara yang turut dibincangkan di dalam bab ini ialah sejarah kewujudan institusi Undang itu dan syarat-syarat yang diperlukan bagi seseorang yang ingin menjawat jawatan Undang di Jelebu. Penulis juga akan menyentuh tentang pergeseran yang berlaku diantara Undang dengan Yamtuan Jelebu yang mana pergeseran itu berakhir dengan penghapusan institusi Yamatuan Jelebu. Dalam bab ini juga, akan dikaji tentang kedatangan Inggeris dan kesan kedatangan mereka ke atas pentadbiran adat di Jelebu.

Bab ketiga menyentuh tentang perkembangan Institusi Undang selepas tahun 1945. Ini termasuklah kedudukan Undang di masa Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Apa yang lebih penting lagi ialah soal kedudukan Undang selepas kemerdekaan 1957. Penulis akan

menyingkap bagaimana Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Sembilan selepas merdeka memelihara kedudukan Undang dan yang Di Pertuan Negeri Sembilan.

Bab keempat adalah merupakan kemuncak dalam penulisan kajian ini. Penulis akan membahagikan bab ini kepada dua bahagian iaitu sebelum dan selepas tarikh Perlantikan Undang Jelebu 1980. Supaya krisis perlantikan Undang Jelebu 1980 yang diperbincangkan di dalam bab ini dapat dilihat dengan mudah, maka adanya pemahaman terhadap bab 1, 2 dan 3 dalam kajian ini adalah penting. Lampiran-lampiran yang terdapat dalam latihan ilmiah ini juga dapat membantu pemahaman seseorang terhadap krisis perlantikan Undang Jelebu 1980.

Akhir sekali, dalam bab kelima penulis membuat kesimpulan terhadap perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya. Di samping itu, penulis juga akan menyentuh tentang implikasi yang wujud ekoran dari krisis perlantikan Undang Jelebu 1980.

SENARAI KEPENDEKAN

DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
h.	-	halaman
JMBRAS	-	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSBRAS	-	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
MBRAS	-	The Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society
No.	-	Number
OUP	-	Oxford University Press
p.	-	page
pt.	-	part
UMNO	-	United Malays National Organization
Vol.	-	Volume

SENARAI KEPENDEKAN

DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
h.	-	halaman
JMBRAS	-	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSBRAS	-	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
MBRAS	-	The Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society
No.	-	Number
OUP	-	Oxford University Press
p.	-	page
pt.	-	part
UMNO	-	United Malays National Organization
Vol.	-	Volume

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran 1a:	Daerah-daerah Adat di Negeri Sembilan	172
b:	Daerah Jelebu	173
Lampiran 2 :	Salasilah Yamtuan Jelebu	174
Lampiran 3a:	Perjanjian Diantara Yang DiPertuan Besar Sri Menanti dengan Undang Yang Empat 1898	175
b:	Agreement Between His Majesty's Government Within The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and the State of Negri Sembilan	176 - 177
Lampiran 4 :	Permintaan Lembaga Yang Tiga mengadakan Undang Baru Menggantikan Allahyarham Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Maamor	178
Lampiran 5 :	Menimbulkan Undang Yang Baru	179
Lampiran 6 :	Menimbulkan Bakal Undang Luak Jelebu	180
Lampiran 7 :	Surat Bantahan dan Tuntutan Dari Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman	181 - 183
Lampiran 8 :	Surat pencalonan Undang oleh Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman (1)	184 - 185
Lampiran 9 :	Surat Jemputan kepada Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman ke Majlis Kerapatan Mencari Bakal Undang	186
Lampiran 10:	Surat pencalonan Undang oleh Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman (II)..	187
Lampiran 11:	Surat Persetujuan Ketua-ketua 'waris Berundang' Berhubung Dengan Penapisan calon Undang	188
Lampiran 12:	Pengakuan Menapis calon-calon Undang bagi pihak 'tali pesaka'	189
Lampiran 13:	Surat Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus Berhubung Dengan Penolakan calon Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman	190 - 191

		Halaman
Lampiran 14:	Peraturan Dalam Soal Pemegangan Jawatan Adat di Jelebu	192
Lampiran 15:	Surat dari Harun bin Bakar kepada Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus	193
Lampiran 16:	Surat dari Dato' Paduka Menteri Sulaiman bin Abdul Ghani kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda	194
Lampiran 17:	Surat dari Dato' Rais Yatim kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda (1)	195
Lampiran 18:	Peringatan Perjumpaan Dato'-dato' Lembaga dan Waris	196 - 198
Lampiran 19:	Pengesahan Calon Undang Luak Jelebu	199
Lampiran 20:	Surat dari Ismail Kassim kepada Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus	200
Lampiran 21:	Surat dari Dato' Rais Yatim kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda (II) ..	201
Lampiran 22:	Surat dari tujuh orang Dato' Lembaga kepada Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang	202
Lampiran 23:	Keputusan Dewan Keadilan dan Undang	203
Lampiran 24:	Judgement of Abdul Hamid F.J.	204 - 209
Lampiran 25:	Judgement of Saleh Abas F.J.	210 - 216
Lampiran 26:	Pesaka Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Undang Luak Jelebu	217

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak mungkin dapat disiapkan tanpa bantuan serta kerjasama dari pihak-pihak tertentu.

Oleh itu saya ingin menyampaikan rasa penghargaan serta terhutang budi kepada mereka yang di bawah ini. Pertama kepada penyelia saya Encik Nabir bin Haji Abdullah kerana bimbingan, dorongan serta kesabaran beliau membantu saya di sepanjang penulisan kajian ini. Juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Nadzan bin Haron (kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Ph.D) kerana turut membantu saya di peringkat awal penulisan kajian ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Encik Syed Zin bin Syed Hussin, Dato' Ombi Abdul Ghani bin Shahmaruddin, Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman, Encik Ahmad bin Abu, Encik Sulaiman bin Abdul Ghani, Encik Ujang bin Mohar, Encik Ismail bin Kasim, Encik Raja Sirajudin bin Raja Jaafar, Encik Syed Ismail bin Syed Ali dan Tunku Syed Idrus bin Syed Muhammad yang sudi memberikan kerjasama, serta instimewa buat Y.A.M. Dato' Musa bin Wahab P.J.K. kerana kebenarkan mengadap di Balai Undang Luak Jelebu.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada adik saya, Zulkifli Abbas dan Ateh kerana turut membantu saya dalam kajian ini. Juga kepada saudara Nor Azizan bin Idris (tutor Fakulti Sains Pembangunan) dan saudara Baharin bin Idris kerana bantuan dan dorongan yang diberikan. Penghargaan yang paling istimewa sekali saya tujukan kepada Zuraidah Jaafar kerana sentiasa memberikan semangat dan dorongan kepada saya.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Puan Sabariah bt Hj. Hassan dan rakan-rakan yang telah sudi menaip latihan ilmiah ini, dan juga kepada semua guru serta pensyarah yang telah mendidik saya.

KHAIRUDIN BIN ABBAS
No. 1, Kg. Rawa, Lenggeng,
Negeri Sembilan.

PENDAHULUAN

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan sistem Adat Perpatihnya. Terdapat sembilan buak luak atau daerah di Negeri Sembilan iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunong Pasir, Sungai Ujong, Sri Menanti, Jelebu, Johol dan Rembau. Di antara kesembilan luak ini, empat daripadanya merupakan luak yang utama. Luak-luak tersebut ialah Jelebu, Sungai Ujong, Johol dan Rembau. Ketua di setiap luak yang utama ini dikenali dengan istilah yang khusus iaitu "Undang". Walau bagaimanapun di dalam kajian ini penulis akan lebih menumpukan perhatian kepada institusi Undang Luak Jelebu.

Institusi Undang Luak Jelebu yang wujud pada hari ini diasaskan lebih daripada dua abad yang lalu iaitu kira-kira pada tahun 1757. Sejak kewujudannya, institusi ini sering menghadapi cabaran-cabaran yang hebat. Setelah kedatangan Inggeris misalnya, kuasa Undang telah dikurangkan yang mana Undang hanya diberi kuasa di dalam soal-soal agama Islam dan adat sahaja. Nasib yang serupa, dialami juga oleh pembesar atau pemerintah yang terdapat di negeri-negeri lain. Kemudiannya pada tahun 1963, usaha-usaha untuk melantik Undang Jelebu yang baru telah berakhir dengan krisis. Di tahun 1980, krisis perlantikan Undang sekali lagi meletus di Jelebu. Tetapi krisis yang berlaku di tahun 1980 ini adalah lebih hebat kerana ianya berlanjutan hingga ke mahkamah dan seterusnya mewujudkan jawatan 'dua Undang' di Jelebu.

Adalah menjadi hasrat penulis untuk membongkar sebab-musabab kenapa krisis perlantikan Undang Jelebu 1980 itu berlaku. Pada pen-

dapat penulis, usaha-usaha untuk mencari sebab berlakunya krisis itu tidak akan berjaya sekiranya seseorang itu hanya menumpukan perhatiannya kepada peristiwa krisis 1980 itu sahaja. Ini adalah kerana, sebab-sebab yang mencetuskan krisis itu telah wujud lebih awal lagi. Atas hakikat itulah penulis memulakan kajian ini dengan memperkenalkan sistem politik tradisional yang diamalkan di Jelebu. Seterusnya penulis akan mengkaji institusi Undang Jelebu dan perkembangannya sehingga tahun 1980.

Di dalam mengkaji perkembangan institusi Undang Jelebu ini, penulis akan cuba mengemukakan peristiwa-peristiwa tertentu yang melibatkan kedudukan institusi Undang secara khusus. Ini termasuklah peristiwa Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan kemerdekaan 1957 seperti mana yang disentuh dalam bab ketiga dalam kajian penulisan ini. Di dalam bab ketiga juga, penulis sengaja mengetengahkan kedudukan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dan seterusnya membandingkan kedudukan Yang Di Pertuan Besar ini dengan Undang. Penulis berbuat demikian kerana ada pihak tertentu yang cuba menyamakan taraf kedudukan Undang dengan Raja (Yang Di Pertuan Besar).

Kaedah Kajian

'Library research' dan wawancara adalah merupakan dua kaedah yang digunakan dalam penulisan kajian ini. Kaedah wawancara diperlukan kerana belum ada bahan-bahan bertulis yang menyentuh krisis pelantikan Undang Jelebu 1980 ini secara khusus. Cuma yang ada ialah sebuah kertas kerja yang ditulis oleh Zulkepley Dahalan bertajuk

Kebanyakan surat-surat yang diperolehi itu ada dilampirkan di dalam latihan ilmiah ini. Penulis dapati ada di antara surat-surat itu yang kandungannya menyentuh peribadi seseorang. Untuk mengelakkan dari berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini, penulis meminta jasa baik Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia supaya ada bahagian-bahagian tertentu dalam latihan ilmiah ini tidak disebarkan untuk bacaan umum.

Sekalipun dinyatakan penulis telah berjaya mengadakan hubungan yang rapat dengan para responden, tetapi masih ada di antara mereka yang takut untuk memberi bahan-bahan dan keterangan-keterangan tertentu. Encik Ismail Kassim (Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang) misalnya, enggan memberikan 'Laporan Tan Sri Salleh Abas mengenai kedudukan Undang dan Yang Di Pertuan Besar' kerana dianggap sangat sulit. Sedangkan penulis amat memerlukan laporan tersebut untuk bab ketiga dalam kajian ini.

Hasil daripada kajian ini, penulis ingin memperakui bahawa tidak mungkin latihan ilmiah ini dapat memberi segala jawapan kepada semua persoalan yang timbul pada pembaca, tetapi penulis berharap ia dapat memberi beberapa jawapan kepada sebahagian darinya. Penulis juga berharap semoga latihan ilmiah ini dapat menimbulkan minat pada para pelajar lain untuk mengkaji krisis perlantikan Undang yang berlaku di luak-luak lain.

KANDUNGAN

	Halaman
SINOPSIS	i - ii
SENARAI KEPENDEKAN	iii
SENARAI LAMPIRAN	iv - v
PENGHARGAAN	vi
PENDAHULUAN	vii - x
BAB 1 : SISTEM POLITIK TRADISIONAL JELEBU	1 - 28
i. Institusi Undang Jelebu (Secara Umum)	7 - 10
ii. Dato' Lembaga yang Lapan : Peranan Serta Fungsi	10 - 23
iii. Institusi Yamtuan Jelebu	23 - 28
BAB 2 : INSTITUSI UNDANG JELEBU DAN PERKEMBANGANNYA SEHINGGA TAHUN 1945	29 - 60
i. Moyang Saleh dan 'Peristiwa Memutus Tali ke Johor'.	30 - 40
ii. Perkembangan Institusi Undang Jelebu sehingga tahun 1945	40 - 54
iii. Kesan Kedatangan Inggeris ke atas Pentadbiran Adat	54 - 60
BAB 3 : PERKEMBANGAN SELEPAS TAHUN 1945 : KEDUDUKAN UNDANG DAN YANG DI PERTUAN BESAR DARI SUDUT PERLEMBAGAAN.	61 - 90
i. Malayan Union	61 - 67
ii. Persekutuan Tanah Melayu 1948 ...	67 - 76
iii. Kemerdekaan dan Perlembagaan 1957 ...	76 - 90

KANDUNGAN

		Halaman
BAB 4 :	KRISIS PERLANTIKAN UNDANG JELEBU 1980 ...	... 91 - 150
	i. Sebelum Tarikh Perlantikan Undang Jelebu 1980	... 93 - 126
	ii. Semasa Dan Selepas Tarikh Perlantikan Undang Jelebu 1980	...126 - 150
BAB 5 :	KESIMPULAN	...151 - 161
BIBLIOGRAFI	... ...	...162 - 171
LAMPIRAN	... ...	...172 - 217

BAB 2

INSTITUSI UNDANG JELEBU DAN PERKEMBANGANNYA SEHINGGA TAHUN 1945

Ketinggian status institusi Undang Luak Jelebu bukan sahaja terletak kepada ungkapan perbilangan, 'sekecil-kecil anak buah, sebesar-besar Undang', tetapi juga terletak kepada kepercayaan masyarakat bahawa Undang itu mempunyai 'andika'. 'Andika' ini mempunyai pengertian yang sama dengan 'daulat', tetapi istilah 'daulat' adalah ditujukan kepada raja-raja seperti kata perbilangan, 'Raja berdaulat, Undang berandika'.[69] Samaada benar atau tidak yang Undang itu mempunyai 'andika', ianya tidaklah menjadi soal. Yang pentingnya ialah kepercayaan masyarakat terhadap 'andika' Undang itu sekurang-kurangnya telah menjamin ketaatsetiaan masyarakat kepadanya seperti mana taatnya rakyat kepada raja-raja yang dikatakan berdaulat.

Menurut sejarahnya, institusi Undang Luak Jelebu seperti yang wujud pada hari ini diasaskan lebih dari dua abad yang lalu iaitu kira-kira pada tahun 1757. Sebelum dari tarikh itu, Jelebu bersama-sama dengan Sungai Ujong, Rembau dan Johol terletak di bawah kuasa pemerintahan Johor iaitu pemerintahan yang diasaskan oleh Sultan Mahmud Syah setelah jatuhnya Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1511. Perlu diingat bahawa tahun 1757 telah dijadikan sebagai satu titik tolak yang penting dalam sejarah Jelebu kerana mulai dari tahun tersebut, Jelebu bukan sahaja muncul sebagai sebuah negeri yang merdeka tetapi juga telah wujud

---

69 Abdul Ghani Shamaruddin, Lain Padang Lain Belalang, h. 17.

institusi Undang yang menjadi kebanggaan masyarakat Jelebu hingga ke hari ini.

Sebenarnya tokoh yang mengasaskan institusi Undang Jelebu ini bernama Moyang Saleh dan beliau memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk membebaskan Jelebu dari kekuasaan Johor. Memandangkan Moyang Saleh ini merupakan pengasas institusi Undang Jelebu dan dianggap penting pula di dalam sejarah Jelebu, maka penulis akan menyentuh tokoh ini secara khusus dan akan mengaitkannya dengan 'peristiwa memutus tali ke Johor. 'Peristiwa memutus tali ke Johor' adalah merupakan satu istilah yang khusus digunakan bagi menggambarkan usaha-usaha untuk mendapatkan kemerdekaan dari Johor.

i. *Moyang Saleh dan 'Peristiwa Memutus Tali ke Johor'.*

Adapun salasilah Moyang Saleh ini dapat dilihat dari rajah berikut:



P = Perempuan

X = Kahwin

(Sumber: A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 12).

Dari rajah tersebut dapatlah dikatakan bahawa Moyang Saleh mempunyai pertalian darah yang rapat dengan Dato' Mentri dan Dato' Ombi. A. Caldecott telah mencatitkan bahawa Moyang Angsa dan Moyang Angut (nenek kepada Moyang Saleh) sebagai suku Biduanda Asli (indigenous Biduanda tribe).[70] Moyang Angsa telah bersemenda atau berkahwin dengan To' Gombak dari Pagar Ruyong, Minangkabau dan dikatakan bahawa dari persemendaan inilah orang-orang Minangkabau mula mempengaruhi cara hidup suku Biduanda Asli di Jelebu.[71] Tetapi sebenarnya tidak ada tulisan-tulisan bertulis yang menyatakan bilakah persemendaan itu berlaku. Walau bagaimanapun bolehlah diagak bahawa persemendaan ini berlaku di awal abad ke 16 iaitu selari dengan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka.[72]

Setelah To' Gombak bersemenda dengan Moyang Angsa, beliau telah diangkat oleh penduduk Jelebu untuk menjadi pemerintah di sana. Tempat To' Gombak ini kemudiannya digantikan oleh To' Mentunggang yang juga berasal dari Minangkabau. Seperkara yang perlu diingat di sini ialah sekalipun To Gombak dan To' Mentunggang telah dilantik menjadi pemerintah Jelebu, tetapi 'kunci' dan hak pemerintahan sebenarnya terletak di tangan Moyang Angsa dan Moyang Acheh. Ini adalah kerana mereka (Moyang Angsa dan Moyang Acheh) merupakan 'pemilik negeri'.[73]

---

[70] A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 12.

[71] Haji Buyong Adil, 'Sejarah Negeri Sembilan', DBP, Kuala Lumpur, 1981, h. 12.

[72] Andaian ini berasaskan kepada kenyataan bahawa orang-orang Minangkabau ini mula datang ke Negeri Sembilan setelah jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Lihat halaman 1.

[73] Haji Buyong Adil, op. cit., h. 14.

Berhubung dengan saudara Moyang Angsa pula iaitu Moyang Angut, ia telah berkahwin dengan orang Jelebu sendiri dan telah dikurniakan dua orang anak iaitu Genta dan Bata. Keturunan mereka inilah yang menjadi Dato' Mentri dan Dato' Ombi di Jelebu.[74]

Setelah To' Mentunggang meninggal dunia, tempat beliau sebagai pemerintah Jelebu telah digantikan oleh Moyang Saleh dan semasa pemerintahan beliau inilah berlakunya 'peristiwa memutus tali ke Johor' iaitu kira-kira dalam tahun 1757.[75] 'Peristiwa memutus tali ke Johor' ini berlaku berikutan dengan tindakan liar yang dibuat oleh Sultan Abdul Jalil V. Sultan Johor ini dikatakan telah membunuh Si Amat iaitu anak Dato' Undang Rembau yang mewakili ayahnya untuk mengadap sultan setelah ayahnya itu gagal untuk memperkenankan hajat sultan yang ingin berkahwin dengan anaknya Sri Banun.[76]

Apabila peristiwa yang menyedihkan dan tidak sepatutnya berlaku ini diadukan kepada Moyang Saleh, beliau merasa begitu marah dan berpendapat Sultan Johor tidak sepatutnya bertindak sedemikian rupa.[77]

---

[74] Cenderamata Istiadat Tabal Ke bawah Kaus Y.A.M. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Musa bin Wahab, Percitakan Negeri, Seremban, 1981, h. 38-9.

[75] 'Peristiwa memutus tali ke Johor' ini telah banyak disentuh oleh penulis-penulis barat dan tempatan. Antaranya termasuklah A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 13-7, O'Brien, op. cit., p. 337-8, Haji Buyong Adil, op. cit., h. 16-8 dan Ibrahim Mustafa, 'Jelebu dalam Sejarah", dalam Warisan, bil. 7, 1982/3, h. 52-9.

[76] Sejarah Rembau sendiri ada mencatitkan tentang hal tersebut, dan menyatakan bahawa nama Undang yang berkenaan ialah Tok Uban. Tetapi tidak pula dinyatakan nama anak perempuan beliau dan anak lelaki beliau yang dibunuh itu. Lihat C.W.C. Parr and W.H. Mackray, op. cit., p. 15.

[77] Haji Buyong Adil, op. cit., h. 17.

Dengan itu Moyang Saleh bersama-sama dengan empat orang hulubalangnya yang gagah iaitu Tok Beruang Hitam, Tok Bauk, Tok Laut Api dan Tok Gagah Lela Perkasa telah pergi ke Johor untuk menuntut bela seperti yang disebut dalam perbilangan adat, "cincang mampus, bunuh beri balas."[78]

Sesampainya ke istana Sultan Abdul Jalil V, mereka tidak dibenarkan mengadap. Ekoran dari itu berlakulah beberapa peristiwa anih yang ditunjukkan oleh Moyang Saleh dan hulubalangnya.[79] Peristiwa-peristiwa anih telah menakutkan Sultan, dan akhirnya baginda pun membenarkan Moyang Saleh untuk mengadap. Tetapi semasa mengadap itu, Moyang Saleh tidak membangkitkan soal pembunuhan Si Amat anak Dato' Undang Rembau tetapi sebaliknya menyatakan bahawa kedatangannya adalah untuk menuntut kemerdekaan serta ingin memutuskan hubungan antara Jelebu dengan Johor. Sultan telah memperkenankan permintaan Moyang Saleh itu dan yang lebih

---

[78] Ibid.

[79] Antara peristiwa-peristiwa anih itu termasuklah hujan yang turun dengan tidak berhenti-henti dan tatkala itu Moyang Saleh telah mencampakkan bajunya ke atas dan baju itu kembang menjadi payung. Tok Beruang Hitam pula dikatakan telah memamah-mamah tiang-tiang istana. Manakala Tok Laut Api telah terbatuk-batuk sambil mengeluarkan api berkepul-kepul dari mulutnya dan Tok Bauk pula telah menggoncang tiang-tiang istana sehingga penghuni istana itu merasa bagai digoncang oleh gempa bumi. Lihat A. Caldecott, Jelebu: Its History, pp. 15-6. Kalau difikirkan tentang peristiwa-peristiwa anih itu, tentulah ia tidak dapat diterima akal dan tidak bernilai dari segi sejarah. Tetapi menurut Ujang Mohar, penduduk-penduduk di Jelebu khususnya orang-orang tua yang tahu tentang peristiwa ini menganggap peristiwa anih ini ada kebenarannya. Menurut beliau lagi di zaman sains dan teknologi ini memanglah sukar untuk mempercayai perkara-perkara yang anih seperti itu. Tetapi pada zaman dahulu, perkara-perkara seperti itu adalah merupakan perkara biasa kerana orang-orang dahulukala memang banyak mempelajari ilmu-ilmu ghaib. Temuramah, Ujang bin Mohar, Kampung Kampai, Jelebu, 15hb. November, 1984.

penting lagi, Sultan telah mengistiharkan beliau sebagai pemerintah Jelebu dengan gelaran Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Sultan Jelebu.[80] (Sultan Abdul Jalil V ada menganugerahkan Cop Mohor kepada Moyang Saleh dan Cop Mohor ini dapat dilihat di gambar 1. Sementara itu, 'pedang pemancung' yang dibawa bersama-sama oleh Moyang Saleh ke Johor dapat dilihat pada gambar 2). Tetapi sesuatu yang anih di sini, Moyang Saleh dan para Undang selepasnya tidak pernah memakai gelaran 'Sultan Jelebu' yang dianugerahkan oleh Sultan Johor itu.

Sebenarnya 'peristiwa memutus tali ke Johor' ini mempunyai kepentingan yang tertentu. Pertama peristiwa tersebut telah meletakkan Moyang Saleh sebagai pemerintah yang unggul yang tidak boleh lagi dipersoalkan terutama sekali oleh saudara-saudara sepupunya sendiri iaitu Moyang Chinei, To' Miang Bakok dan To' Bandar Sohor.[81] Kedua, peristiwa itu juga telah membolehkan Moyang Saleh mengeluarkan perintahnya sendiri dalam wilayah perintahnya di Jelebu dan tidak perlu menerima perintah dari Sultan Johor. Malah kalau diperhatikan dengan lebih lanjut lagi, kemerdekaan dari Johor bukan sahaja diperolehi oleh Jelebu tetapi juga oleh Rembau, Sungai Ujong dan Johol. Seperti kata O'Brien;

> ... from that time forth the Penghulus of Jelebu and of the other three States, Rembau, Sungai Ujong, were not to bring their complaints before Johor.[82]

---

[80] Ibrahim Mustafa, Jelebu dalam Sejarah h. 56.

[81] A. Caldecott, Jelebu: Its History p. 13.

[82] O'Brien, op. cit., p. 338.

Gambar 1: Gambar tersebut merupakan cop mohor yang dianugerahkan oleh Sultan Abdul Jalil V pada Moyang Saleh pada tahun 1757.
(Ihsan dari Balai Undang Luak Jelebu)



Gambar 2: Gambar tersebut merupakan pedang pemancung yang dibawa bersama-sama oleh Moyang Saleh ke Johor.
(Ihsan dari Balai Undang Tuak Jelebu)

Kini timbul persoalan, kenapa Moyang Saleh yang telah dilantik terkemudian dari To' Gombak dan To' Mentunggang sebagai pemerintah Jelebu dianggap sebagai Undang Jelebu yang pertama? Sebenarnya dalam hal ini ada beberapa perkara yang perlu diambil kira. Pertama, To' Gombak mahupun To' Mentunggang adalah orang yang datang dari Minangkabau dan menyemenda (berkahwin) dengan perempuan Biduanda Asli. Sekalipun mereka telah dilantik sebagai pemerintah Jelebu, namun kuasa dan hak sebenarnya terletak di tangan isteri mereka masing-masing. Pendek kata, mereka memerintah di atas nama isteri mereka masing-masing.[83] Jika kita perhatikan pada Moyang Saleh pula, ia adalah merupakan orang yang lahir hasil dari persemendaan Biduanda Asli dengan 'orang mendatang' yang datang dari Minangkabau (antara Moyang Acheh dengan Tok Mentunggang). Persemendaan yang sebegini memberi hak kepada Moyang Saleh untuk memerintah atau menyandang pesaka kerana adat perpatih sendiri adalah bersendikan kepada sistem unilateral-matrilineal, iaitu setiap orang baik lelaki mahupun perempuan menarik garis keturunan hanya melalui orang perempuan atau sebelah ibu sahaja.[84] Kedua, pembentukan Dato'-dato' Lembaga yang Lapan oleh Moyang Saleh seperti yang diterangkan dalam bab sebelum ini sudah cukup membuktikan kenapa Moyang Saleh dianggap pengasas atau Undang Jelebu yang pertama.

---

[83] Temuramah, Abdul Ghani Shamaruddin, Mengkan, Jelebu, 25hb. September, 1984.

[84] Abdul Siddik, op. cit., h. 114-5.

SYARAT-SYARAT UNTUK MENJADI UNDANG LUAK JELEBU

Sebelum seseorang itu layak untuk dilantik menjadi Undang, maka ia perlu terlebih dahulu memenuhi beberapa syarat tertentu. Syarat-syarat ini akan dipertimbangkan oleh Dato'-dato' Lembaga yang Lapan khususnya Dato' Ombi dan Dato' Mentri kerana mereka ini memainkan peranan yang penting dalam perlantikan seseorang Undang. Pesaka Undang Luak Jelebu adalah merupakan pesaka 'bergilir' iaitu digilirkan di antara Waris Ulu Jelebu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Hanya mereka-mereka dari tiga waris ini sahaja yang layak untuk dipertimbangkan bagi menjadi Undang Luak Jelebu. Jadi syarat asas yang perlu dipenuhi oleh seseorang yang ingin menjadi Undang ialah mereka mesti datang dari salah satu dari tiga waris berkenaan. Di samping itu pencalonan Undang hanya boleh dibuat jika gilir pesaka Undang itu jatuh kepada salah satu dari waris tersebut.

Berhubung dengan Waris Sarin, terdapat keanihan di sini di mana ia terbahagi kepada dua iaitu Waris Sarin 'A' dan Waris Sarin 'B'. Waris Sarin 'A' diketuai oleh Dato' Paduka Menti dan Waris Sarin 'B' pula diketuai oleh Dato' Raja Diraja atau disebut juga Dato' Raja Penghulu, tetapi biasanya disebut Dato' Raja sahaja. Tetapi mengikut Perlembagaan Kesukuan dan Siasah Jelebu (Tribal and Political Constitution of Jelebu),[85] Waris Sarin 'B' ini tidak berhak untuk menjawat pesaka Undang dan juga tidak termasuk dalam senarai Dato' Lembaga yang Lapan. A. Caldecott yang telah menulis tentang perkara ini ada mencatitkan tentang pemecahan Waris Sarin tersebut. Menurut beliau;

---

[85] A. Caldecott, Jelebu: Its History p. 35.

Rajah I

Salasilah Keturunan Dato' Musa bin Wahab
Undang Jelebu yang ke Limabelas



(Sumber: Cenderamata Istiadat Tabal Ke bawah Kaus Dato' Mendika Menteri AkhirulZaman Musa bin Wahab, op, cit., h. 43)

> ... the Waris Sarin have split into two parts, of which one cannot furnish candidates for the Undangship. The reason given for for their disqualification is that their first headman, Dato' Raja Teras, killed a a man without reference to the Undang.[86]

Dari kenyataan di atas dapatlah dikatakan bahawa alasan yang digunakan tentang pengenepian Waris Sarin 'B' ini ialah kerana ketua mereka yang pertama iaitu Dato' Raja Teras telah membunuh orang tanpa merujuk kepada Undang. Tindakan Dato' Raja Teras itu adalah bertentangan sekali dengan aturan adat kerana menurut adat hanya Undang sahaja yang boleh menjatuhkan hukuman bunuh.[87]

Undang Luak Jelebu seperti juga para Undang di luak-luak lain dikatakan 'bersalasilah'. Apa yang dimaksudkan dengan bersalasilah di sini ialah calon-calon Undang mestilah mempunyai salasilah keturunannya yang boleh disusurgalurkan sehingga kepada pengasas institusi Undang tersebut.[88] Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa pengasas institusi Undang Jelebu ialah Moyang Saleh. Jadi calon-calon Undang di Jelebu mestilah mempunyai salasilah keturunannya yang boleh disusurgalurkan sehingga kepada Moyang Saleh. Sekiranya para calon Undang gagal untuk mengemukakan salasilah keturunannya, maka dengan sendirinya

---

[86] Ibid.

[87] Walau bagaimanapun dalam bab IV nanti, kita akan melihat bagaimana pemecahan ini dianggap sebagai 'khayalan' semata-mata. Atas hakikat ini krisis tentang perlantikan Undang Jelebu 1980 tidak dapat dielakkan lagi.

[88] Temuramah, Abdul Ghani Shamaruddin, Mengkan, Jelebu, 25hb. September, 1984.

ianya dianggap tidak layak.[89] (Sebagai contohnya, salasilah keturunan yang dikemukakan oleh Dato' Musa bin Wahab iaitu Undang Jelebu sekarang ini, bolah dilihat pada rajah I di halaman 37).

Jelas bahawa salasilah keturunan juga adalah merupakan satu lagi syarat asas untuk seseorang yang ingin menjawat pesaka Undang. Kalau diperhatikan pada perbezaan waktu antara terbentuknya institusi Undang Jelebu oleh Moyang Saleh di pertengahan abad ke 18 sehingga abad ke 20 ini, perbezaannya adalah amat jauh. Jadi salasilah keturunan yang dikemukakan oleh calon Undang sukar untuk dipastikan kebenarannya. Atas hakikat itu, kemungkinan berlakunya usaha-usaha penipuan merupakan sesuatu yang tidak mustahil untuk berlaku.[90]

Selain daripada syarat-syarat yang asas itu, terdapat pula beberapa syarat-syarat lain yang tidak kurang pentingnya dalam menilai seseorang calon Undang. Dr. Nordin Selat telah menggariskan syarat-syarat tersebut sebagai berikut;[91]

1. Seseorang calon itu mestilah dari kaum lelaki
2. Beliau mestilah beragama Islam
3. Beliau mestilah berakal iaitu otaknya siuman
4. Beliau mestilah sudah baligh dengan ertikata sudah dewasa

---

[89] Abdul Ghani Shamaruddin, 'Sekali Air Bah Sekali Tanjung Berubah', dalam Dewan Masyarakat, Februari, h. 43.

[90] Di dalam bab IV nanti, kita akan melihat bagaimana usaha-usaha itu menjadi satu kenyataan.

[91] Nordin Selat, Pemimpin Dalam Adat Perpatih h. 3.

5. Beliau mestilah mempunyai kecergasan otak yang lebih baik daripada orang-orang yang dipimpinnya

6. Beliau mestilah sihat

7. Beliau mestilah dari keturunan yang baik - "Kalau bapa borik tentu anaknya rintik."

8. Beliau mestilah seseorang yang berbudi[92]

9. Beliau mesti mempunyai kedudukan ekonomi yang baik

Dari syarat-syarat yang digariskan di atas, dapatlah dikatakan bahawa bukannya mudah untuk menilai seseorang calon Undang. Ini adalah kerana ada di antara syarat-syarat itu merupakan sesuatu yang relatif. Misalnya adalah sukar untuk mencari 'kayu pengukur' bagi mengukur syarat-syarat seperti kecergasan, budi, keturunan dan kedudukan ekonomi yang baik. Sesuatu yang baik bagi seseorang, mungkin ianya dianggap tidak baik oleh orang lain. Biasanya anggapan seperti itu bukanlah dilakukan secara jujur, tetapi sebaliknya bertujuan untuk menjatuhkan calon-calon lain.

ii. *PERKEMBANGAN INSTITUSI UNDANG JELEBU SEHINGGA TAHUN 1945.*

Sebelum Moyang Saleh meninggal dunia, beliau telah membahagi-bahagikan pesaka Undang Luak Jelebu antara tiga waris iaitu Waris Ulu Jelebu, Waris Kemin dan Waris Sarin. Dengan itu genaplah tiga waris yang berhak menyandang pesaka Undang di Jelebu. Setelah meninggal dunianya Moyang Saleh, Institusi Undang yang diasaskannya itu telah terus

---

92 'Budi' yang dimaksudkan di sini ialah mempunyai watak yang baik seperti mempunyai sifat-sifat - a. Pemurah b. Sabar c. Benar d. Amanah e. Tabligh (berkemampuan untuk menyampaikan ajaran adat).

berkekalan sehinggalah ke hari ini. Sebenarnya tidak ketahui pula bilakah tarikh kematian Moyang Saleh ini kerana tidak ada sumber-sumber yang mencatitkan hal tersebut. Walau bagaimanapun, makam beliau ini masih lagi wujud sehingga ke hari ini dan makam tersebut pernah dianggap sebagai keramat, dan pernah juga dikunjungi oleh penduduk-penduduk tempatan untuk tujuan-tujuan tertentu.[93] (Makam Moyang Saleh ini dapat dilihat di gambar 3).

Untuk menggambarkan bahawa institusi Undang Jelebu yang wujud di tahun 1757 itu masih berterusan sehingga ke hari ini, maka berikut di-perturunkan penyandang-penyandang pesaka tersebut;

1. Dato' Moyang Saleh - Waris Ulu Jelebu
2. Dato' Bokor - Waris Ulu Jelebu
3. Dato' Bakul - Waris Ulu Jelebu
4. Dato' Yunus - Waris Ulu Jelebu
5. Dato' Lop - Waris Sarin
6. Dato' Rengoh (Tok Gila) - Waris Kemin
7. Dato' Duraman - Waris Ulu Jelebu
8. Dato' Pandak - Waris Sarin
9. Dato' Mahmud - Waris Kemin
10. Dato' Haji Ibrahim - Waris Kemin
11. Dato' Syed Ali Al Jafri (1875-1902) - Waris Ulu Jelebu

---

93 Temuramah, Ujang bin Mohar, Kampung Kampai, Jelebu, 15hb. November, 1984.



Gambar 3: Makam Moyang Saleh Undang Luak Jelebu yang pertama. Makam ini pernah dianggap mempunyai keramat dan pernah dikunjungi oleh penduduk tempatan untuk tujuan-tujuan tertentu. Walau bagaimana-pun makam ini telah dibaiki sekarang dan sudah tidak ada lagi [illegible]



Gambar 3: Makam Moyang Saleh Undang Luak Jelebu yang pertama. Makam ini pernah dianggap mempunyai keramat dan pernah dikunjungi oleh penduduk tempatan untuk tujuan-tujuan tertentu. Walau bagaimana-pun makam ini telah dibaiki sekarang dan sudah tidak ada lagi amalan khurafat tersebut.

12. Dato' Abdullah (15 Februari 1902 - 10 Ogos 1945) - Waris Sarin

(Sumber: Balai Undang Luak Jelebu, Kuala Klawang, Jelebu).

Kalau diperhatikan pada senarai nama Undang di atas, pesaka Undang Jelebu mula digilirkan antara tiga waris hanya selepas pemerintahan Dato' Yunus sahaja.[94] Keadaan yang sebegini terjadi kerana belum ada kata sepakat di antara Waris Ulu Jelebu untuk menyerahkan pesaka tersebut kepada Waris Kemin dan Waris Sarin sekalipun ianya telah diamanahkan oleh Moyang Saleh untuk berbuat demikian.[95] Tetapi pada pandangan penulis, yang lebih penting lagi ialah mungkin tidak ada kata sepakat atau 'kebulatan' Dato'-dato' Lembaga yang Lapan kerana sebenarnya peranan dato'-dato' tersebut yang lebih utama dalam 'menjadikan' Undang.

Dari senarai nama-nama Undang yang dikemukakan itu didapati juga bahawa Dato' Mahmud dari Waris Kemin telah digantikan oleh Dato' Haji Ibrahim yang juga dari Waris Kemin. Keadaan ini berlaku kerana adat di Jelebu telah menetapkan bahawa jika seseorang Undang dari sesuatu waris telah dipecat atau meletakkan jawatan atau meninggal dunia sebelum ia

---

[94] Adalah sukar untuk dipastikan bilakah Dato' Yunus ini mula memerintah. Malah perlu diingat di sini bahawa tidak diketahui juga tentang tempoh-tempoh pemerintahan Undang Jelebu dari Dato' Moyang Saleh sehingga Dato' Haji Ibrahim iaitu Undang yang kesepuluh. Kesukaran ini timbul kerana tidak ada sumber-sumber bertulis yang mencatitkan perkara tersebut. Sumber-sumber lisan juga sukar untuk diperolehi kerana jangkamasa pemerintahan para Undang yang dimaksudkan itu sudah jauh berlalu. Walau bagaimanapun secara purata Jelebu akan memperolehi seorang Undang baru pada tiap-tiap 30 tahun sekali. Lihat J.M. Gullick, The Election of an Undang, p. 22.

[95] Temuramah, Syed Zin Syed Husin, Kampung Tampin Tengah, Tampin, 7hb Oktober, 1984. Lihat juga A. Caldecott, Jelebu: Its History p. 19.

ditabalkan[96] maka pengganti Undang seterusnya hendaklah dipilih dari waris yang sama. Jadi memandangkan Dato' Mahmud telah dipecat dari jawatannya sebelum ia ditabalkan,[97] maka penggantinya adalah dipilih dari Waris Kemin juga.

Sebaliknya jika seseorang Undang itu telah dipecat atau meletakkan jawatan atau meninggal dunia, maka barulah pesaka Undang itu digilir kepada waris yang lain. Undang yang digantikan sebelum ianya ditabalkan dinamakan 'ganti hidup' manakala Undang yang digantikan setelah ianya ditabalkan dinamakan pula 'ganti mati'. Jadi pesaka Undang Jelebu hanya digilirkan dari satu waris kepada satu waris yang lain apabila berlakunya 'ganti mati'.[98]

Di dalam sejarah Jelebu, zaman pemerintahan Undang Jelebu yang kesebelas iaitu Dato' Syed Ali Al Jafri adalah dianggap terpenting sekali.

---

[96] 'Ditabalkan' dalam konteks Adat Perpatih bermaksud 'disahkan oleh masyarakat keseluruhannya'. 'Tabal' berbeza dengan 'melantik' kerana 'melantik' hanyak melibatkan orang-orang tertentu sahaja (kebulatan Dato'-dato' Lembaga yang Lapan) sedangkan 'tabal' merupakan penerimaan dan pengesahan dari seluruh penduduk dalam sesuatu luak. Setelah adat pertabalan dijalankan, maka orang yang dilantik untuk menyandang pesaka adalah menjadi Undang yang sah. Untuk keterangan lanjut, lihat, Abdul Ghani Shamaruddin, Undang Luak Jelebu: Adat Pertabalan h. 11-22.

[97] Dato' Mahmud telah dipecat oleh Dato' Lembaga yang Lapan kerana beliau telah melanggar adat di mana beliau telah mengambil seorang perempuan Cina dari Rembau sebagai gundeknya. Lihat Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya h. 90.

[98] M.G. Swift, op. cit., p. 16.

Ini adalah kerana di masa pemerintahan beliau inilah Inggeris telah mula masuk ke Jelebu dan kemasukan Inggeris ini benar-benar memberi kesan yang mendalam ke atas pentadbiran adat di Jelebu. Di samping itu, di masa pemerintahan Dato' Syed Ali Al Jafri ini jugalah berlakunya penghapusan terhadap institusi Yamtuan Jelebu. Dato' Syed Ali dari Waris Ulu Jelebu mula menjadi Undang Jelebu pada tahun 1875 bagi menggantikan Dato' Haji Ibrahim dari Waris Kemin.

Sejak dari awal pemerintahan Dato' Syed Ali Al Jafri ini, telah berlaku perselisihan faham di antara beliau dengan Yamtuan Jelebu pada masa itu iaitu Tunku Abdullah bin Tunku Radin. Sebagai Yamtuan Jelebu, Tunku Abdullah perlu mematuhi peraturan adat yang menetapkan bahawa, "Raja bukanlah pemilik negeri dan tidak boleh mengutip cukai. Baginda hanyalah tempat pengadilan di mana hamba rakyat meminta perlindungan." Memandangkan baginda bukanlah pemilik negeri dan tidak boleh mengutip cukai, maka Undang bertanggungjawab untuk memberi pemakanan atau gaji kepada Yamtuan, dan Yamtuan pula mestilah berpuashati dengan pemberian Undang itu. Yamtuan juga tidak boleh menimbulkan huru-hara, tidak boleh merampas harta dan tidak boleh 'bermain kayu tiga'. Pendek kata, sesuatu yang hendak baginda lakukan mestilah berunding terlebih dahulu dengan Undang.[99] Tetapinya nampaknya segala dasar yang telah ditetapkan itu tidak dihirau oleh Tunku Abdullah dan ini adalah merupakan punca kenapa berlakunya perselisihan antara Undang dengan Yamtuan Jelebu.

---

99 Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya h. 110.

Kalau diperhatikan pada 22hb. April 1877 misalnya, Yamtuan Abdullah telah membuat satu perjanjian dengan kerajaan Inggeris iaitu dengan Kolonel Anson, Gabenor Negeri-negeri Selat pada masa itu. Sebenarnya perjanjian itu tidak banyak menyentuh perkara-perkara penting. Antara perkara-perkara yang terkandung dalam perjanjian itu adalah seperti berikut;[100]

1. Baginda berkehendakkan aman dalam negeri dan tidak akan menceroboh negeri-negeri lain.
2. Baginda akan memberi kemudahan-kemudahan melombong dan berdagang kepada orang-orang luar.
3. Baginda berjanji akan membawa perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan kepada Maharaja Johor.

Dalam perjanjian itu hanya Yamtuan Abdullah sahaja yang menurunkan tanda tangan sebagai wakil Jelebu. Dato' Syed Ali Al Jafri amat marah dengan tindakan Yamtuan Abdullah itu, terutama sekali tindakan baginda yang memandai-mandai memberikan kuasa kepada pemerintah Johor berhubung dengan hal-ehwal Jelebu.

Kacau-bilau mula berlaku di Jelebu apabila Yamtuan Abdullah tanpa berunding terlebih dahulu dengan Undang telah membunuh To' Bilal Ismail iaitu seorang pegawai di rumah Undang. Peristiwa ini berlaku kira-kira dalam tahun 1880.[101] Dato' Syed Ali Al Jafri yang tidak senang dengan tindakan Yamtuan Abdullah telah cuba berunding dengan Dato'-dato' Lembaga

---

[100] M.G. Maxwell and W.S. Gibson, 'Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo', Truscott and Sons Ltd., London, 1924, pp. 52-3.

[101] A. Caldecott, Jelebu: Its History p. 22.

yang Lapan di Jelebu untuk menyingkirkan baginda. Tetapi Yamtuan Abdullah bukanlah mudah untuk disingkirkan kerana baginda mempunyai penyokong-penyokong yang agak ramai. Malah ada di antara Dato'-dato' Lembaga yang Lapan sendiri yang menjadi penyokong kuat baginda. Antaranya termasuklah Dato' Raja Balang Long, Ketua Waris Ulu Jelebu; Dato' Mentri Ahat; dan Dato' Maharaja Inda Latif, Ketua Kemin.[102]

Kerana tidak berhasil untuk menyingkirkan Yamtuan Abdullah dan juga untuk mengamankan Jelebu, Dato' Syed Ali Al Jafri telah cuba mendapatkan pertolongan Inggeris. Pertolongan Inggeris juga diperlukan bagi menyelesaikan perbalahan antara Jelebu dengan Pahang berhubung dengan soal sempadan. Akhirnya pada 24hb. Ogos 1883, satu perjanjian di antara Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Jelebu ditandatangani. Turut menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak Kerajaan Jelebu ialah Dato' Syed Ali Al Jafri, Dato' Lembaga yang Lapan dan Yamtuan Abdullah sendiri. Antara butir-butir perjanjian tersebut adalah seperti berikut;[103]

1. Kerajaan Inggeris tidak akan menghantar Residen ke Jelebu.

2. Kerajaan Inggeris mengiktiraf kedudukan Tunku Abdullah sebagai Yamtuan Jelebu. Atas hakikat itu, Undang Jelebu perlu mengiktiraf baginda dan menyembahkan kepada baginda sebahagian daripada hasil yang berpatutan untuk kehidupan baginda.

---

[102] Ibid., pp. 23-4

[103] W.G. Maxwell and W.S. Gibson, op. cit., pp. 53-5.

3. Yamtuan tidak boleh campurtangan dalam segala urusan pentadbiran negeri. Sebaliknya ia terpulang kepada budi bicara Undang.

4. Kerajaan Inggeris akan membayar elaun sebanyak $1,200 setahun kepada Yamtuan dengan syarat baginda tidak akan campurtangan terhadap pengangkutan bijih dari Jelebu ke Sungai Ujong atau ke tempat-tempat lain tanpa kebenaran Gabenor. Yamtuan juga tidak boleh mengenakan cukai ke atas bijih atau ke atas orang-orang yang menjalankan perniagaan.

5. Gabenor akan menjalankan usaha-usaha untuk menentukan sempadan antara Jelebu dengan Pahang.

Dari perjanjian itu jelas bahawa kedudukan Tunku Abdullah sebagai Yamtuan Jelebu adalah diiktiraf oleh Inggeris tetapi baginda tidak dibenarkan mencampuri hal ehwal pentadbiran luak Jelebu. Walau bagaimanapun Yamtuan Abdullah nampaknya tidak berpuas hati dengan perjanjian tersebut terutama sekali yang berhubung dengan kedudukan baginda yang hanya sebagai 'tunggak pemerintahan yang terhormat'. Perasaan tidak puas hati di pihak Yamtuan Abdullah ini menyebabkan keadaan yang aman di Jelebu seperti yang diharap-harapkan tidak wujud. O'Brien iaitu seorang pegawai Inggeris yang datang melawat Jelebu di pertengahan tahun 1884 ada mencatitkan bagaimana sedihnya keadaan di Jelebu akibat dari huru-hara yang berlaku. Menurut beliau;

> ... the present condition of the country is truly deplorable. It bears marks of having been, at not very distant period, fairly prosperous and sufficiently peopled, but now speaking generally, the whole land is waste.
> I passed the other day through mile after mile of deserted kampongs with fine padi land all round in abundance and with fruit-trees still in bearing.[104]

---

[104] O'Brien, op. cit., p. 342.

Yamtuan Abdullah telah mangkat pada 13hb. Disember 1884 dan bagi menggantikan baginda, Dato' Syed Ali Al Jafri telah menjemput Tengku Idris iaitu menantu Almarhum di Tampin. Tetapi usaha-usaha Dato' Syed Ali Al Jafri untuk mengangkat Tengku Idris sebagai Yamtuan Jelebu telah mengalami kegagalan kerana ianya ditentang oleh Tengku Muda Chik (adinda Almarhum) dan Tengku Nambul (putera sulong Almarhum). Ini menyebabkan tidak ada sebarang penyelesaian dibuat dan akhirnya Kerajaan Inggeris telah campurtangan dengan menyatakan bahawa Kerajaan Inggeris akan menentukan kelak pengganti Yamtuan Jelebu.[105]

Walaupun dalam perjanjian tahun 1883 itu Kerajaan Inggeris telah menetapkan bahawa ia tidak akan menghantar seorang Residen ke Jelebu, namun Kerajaan Inggeris nampaknya telah bersetuju untuk menghantar seorang pegawainya ke sana dengan gelaran 'Pemungut Cukai dan Majistrate'.[106] Untuk tujuan ini, E.P. Gueritz telah dihantar ke Jelebu dan beliau diletakkan di bawah penyeliaan Residen Sungai Ujong.[107] Berhubung dengan

---

[105] Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya h. 114.

[106] Emily Sadka berpendapat bahawa 'Pemungut Cukai dan Majistrate' itu adalah sama maknanya dengan pegawai daerah. Menurut beliau lagi, "In Selangor and Perak, district officers were called 'Collector and Magistrate' until 1890 and 1892 respectively. ... In Pahang, Sungai Ujong and Jelebu, the title 'Collector and Magistrate' was used throughout." Lihat Emily Sadka, 'The Protected Malay States 1874-1895', University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968, p. 214. Jadi dalam penulisan ini, 'Pegawai Daerah' adalah sama maksudnya dengan 'Pemungut Cukai dan Majistrate'.

[107] C.D. Cowan, 'Tanah Melayu Kurun Kesembilanbelas: Asal Usul Penguasaan Politik British', Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, h. 349.

tugas 'Pemungut Cukai dan Majistrate' ini, Emily Sadka telah mencatitkannya sebagai berikut;

> ... he was primarily a judicial and revenue officer, but he was also the district land and settlement officer and he was placed in charge of ideal headmen; and in areas where were no local departmental representatives, he was in charge of the district work of the various departments.[108]

Apabila E.P Gueritz sampai di Jelebu pada 8hb. Jun 1885, Dato' Syed Ali Al Jafri telah meminta beliau supaya Kerajaan Inggeris menghapuskan sahaja institusi Yamtuan Jelebu. Kerajaan Inggeris menyokong penuh kehendak Dato' Syed Ali Al Jafri kerana ianya adalah merupakan satu-satunya jalan ikhtiar yang dapat memadamkan huru-hara di Jelebu. Dato'-dato' Lembaga yang Lapan yang ada di Jelebu pula nampaknya terpaksa bersetuju dengan Dato' Syed Ali Al Jafri kerana beliau disokong oleh Inggeris.[109] Apabila Sir Frederick Weld iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat datang melawat Jelebu pada bulan Mac 1886, beliau telah menyatakan tentang persetujuannya untuk menghapuskan institusi Yamtuan Jelebu. Akhirnya melalui perjanjian yang dibuat pada bulan September 1886 iaitu antara Kerajaan Jelebu dengan Kerajaan Inggeris, institusi Yamtuan Jelebu telah dihapuskan dengan resminya. Soal penghapusan institusi Yamtuan dalam perjanjian tersebut adalah seperti berikut;

> ... surat bukti ini telah menjadi perlu juga disebabkan oleh kemangkatan Almarhum Yamtuan Abdullah, Jelebu yang telah menjadi satu pihak

---

[108] Emily Sadka, op. cit., p. 215.

[109] Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya h. 114.

> menandatangani Surat Perjanjian 1883 dahulu dan keazaman Kerajaan Jelebu tidak melantik gantinya.[110]

Dengan terhapusnya institusi Yamtuan Jelebu itu, maka telah wujud semula keadaan yang aman di Jelebu. Dengan penghapusan institusi tersebut juga, Dato' Syed Ali Al Jafri telah dapat mengikis pengaruh Yamtuan dan seterusnya dapat memerintah tanpa adanya sebarang gangguan dari institusi tersebut.[111]

Berhubung dengan pertelingkahan sempadan antara Jelebu dengan Pahang pula, Inggeris telah berjaya menyelesaikannya dengan menjadikan Sungai Dua sebagai sempadan antara kedua negeri tersebut. Dengan penentuan sempadan itu, maka ini bermakna sempadan antara Jelebu dengan Pahang telah diubah sebanyak lapan kali pada tempat-tempat seperti berikut;

i. Telok Merebau Seratus
ii. Lompatan Bruang
iii. Meranti Sembilan
iv. Pasir Kelambu
v. Jambu Bertumbuh
vi. Kuala Poh

---

[110] W.G. Maxwell and W.S. Gibson, op. cit., pp. 55-7.

[111] Martin Lister, 'Malay Law in Negeri Sembilan', dalam JSBRAS, No. 22, June 1890, p. 306.

vii. Kuala S'meih

viii. Sungai Dua[112]

Apabila Dato' Syed Ali Al Jafri meninggal dunia pada tahun 1902, beliau telah digantikan oleh Dato' Abdullah dari Waris Sarin.[113] Satu peristiwa penting yang berlaku di masa pemerintahan beliau ini ialah berlakunya kecaman-kecaman terhadap pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu secara keseluruhannya. Usaha-usaha Inggeris untuk membaiki pentadbirannya selepas menerima kecaman-kecaman tersebut telah memberi kesan yang mendalam terhadap Jelebu dan kesan ini dapat dirasai apabila berlakunya konflik pemilihan Undang 1980.

Sebenarnya kecaman ini mula berlaku apabila pentadbiran Inggeris mengabaikan orang-orang Melayu dalam perubahan-perubahan yang mereka lakukan.[114] Akhbar 'The Malay Mail' misalnya iaitu sebuah akhbar yang

---

[112] Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya h. 116.

[113] Dato' Abdullah ini dikatakan sebagai seorang yang amat garang dan ditakuti oleh penduduk di Jelebu. Beliau dikatakan pernah mengherdik orang-orang Melayu yang suka menghabiskan masa di kedai-kedai kopi. Temuramah, Ujang bin Mohar, Kampung Kampai, Jelebu, 15hb. November, 1984. Dikatakan juga bahawa jika beliau nampak dua orang menaiki sebuah basikal, beliau akan memberhentikan keretanya dan menangkap orang tersebut untuk diserahkan kepada polis. Lihat M.G. Swift, op. cit.,p. 84. Walau bagaimanapun dalam bab empat nanti kita akan melihat bagaimana kedudukan beliau sebagai Undang dipertikaikan oleh pihak Waris Sarin 'B'.

[114] Keadaan ini begitu jelas di Jelebu di mana kerajaan Inggeris telah menumpukan perhatiannya kepada perusahaan bijih timah dan perusahaan ini hanya menguntungkan orang-orang Inggeris dan Cina. Bagi kaum India pula mereka telah ditempatkan di ladang-ladang getah. Tetapi orang-orang Melayu secara keseluruhannya tidak memperolehi apa-apa faedah dari perubahan yang dilakukan.

paling berpengaruh di Tanah Melayu telah mengecam sikap pegawai-pegawai Inggeris yang memandang rendah terhadap orang-orang Melayu dan tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan mereka (orang-orang Melayu).[115] Akhbar tersebut juga telah menyelar tentang ketidakcekapan pentadbiran Inggeris dan menggesa supaya masalah ini mesti dipandang dengan 'serious'. Akhbar ini telah menggariskan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian untuk mengatasi masalah tersebut. Antaranya akhbar tersebut telah menyatakan;

> Increased correspondence, improved communications, and the shortage of trained staff tended to keep the District Officer at his desk, devoting more time to his duties as treasurer, land officer, magistrate, and Sanitary Board Chairman, rather than touring his district.[116]

Berhubung dengan kecaman-kecaman yang dilakukan oleh akhbar ini terhadap pegawai-pegawai Inggeris yang memandang rendah terhadap orang-orang Melayu, ianya telah dipandang berat oleh pegawai-pegawai Inggeris di Tanah Melayu termasuk R.J. Wilkinson.[117] Untuk mengatasi masalah

---

[115] Jagjit Singh Sidhu, 'Administration in The Federated Malay States 1896-1920', OUP, Kuala Lumpur, 1980, p. 138.

[116] Ibid.

[117] R.J. Wilkinson mendapat pendidikan di Trinity College, Cambridge dan mula datang ke Negeri-negeri Selat sebagai pegawai kadet pada tahun 1889. Atas minatnya yang mendalam dalam pendidikan di koloni, beliau telah dilantik sebagai Pelawat Sekoleh-sekolah Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sebelum dilantik menjadi Setiausaha Tanah Jajahan, beliau telah dilantik menjadi Residen Negeri Sembilan iaitu pada tahun 1910. Melalui kariernya di Tanah Melayu, Wilkinson menunjukkan minatnya yang mendalam terhadap orang-orang Melayu dan banyak menghasilkan tulisan-tulisan yang berhubung dengan Bahasa, Sejarah dan kebudayaan orang-orang Melayu. Ibid., p. 160.

tersebut, E.W. Birch iaitu Residen Negeri Perak telah mencadangkan supaya pegawai-pegawai Inggeris perlu didedahkan kepada sejarah dan kebudayaan orang-orang Melayu. Atas hakikat inilah pada bulan Januari 1907, usaha-usaha untuk menerbitkan beberapa penulisan mengenai orang-orang Melayu telah dijalankan. Usaha-usaha ini diselenggarakan di bawah penyeliaan R.J. Wilkinson dan penulisan-penulisan tersebut telah dijadikan sebagai rujukan asas bagi peperiksaan untuk pegawai-pegawai kadet perkhidmatan awam.[118]

Jika diperhatikan antara tahun 1907 hingga 1911, sebanyak tujuhbelas penulisan telah dihasilkan di bawah 'projek' itu. Dari tujuhbelas penulisan itu, sepuluh daripadanya ditulis oleh R.J. Wilkinson sendiri, empat oleh R.O. Winstedt dan yang lain-lainnya oleh C.W. Harrison, G.E. Shaw dan J. Rigby. Antara tajuk-tajuk yang diutarakan oleh penulis-penulis tersebut merangkumi soal-soal kesusasteraan Melayu, Undang-undang, sejarah dan adat istiadat orang-orang Melayu. Kemudiannya antara tahun 1912 hingga 1927, sebanyak tujuh penulisan telah dihasilkan. Dua daripadanya telah ditulis oleh R.J. Wilkinson dan dua penulisan lagi dihasilkan oleh C.C. Brown. Manakala yang lain-lainnya dihasilkan oleh J.E. Nathan dan Winstedt, G.A. Wilken iaitu seorang sarjana Belanda (tulisan beliau ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh G.H. Hunt) dan A. Caldecott.[119]

---

[118] Ibid., 138-40.

[119] Ibid., 139-40. Lihat juga C.A. Gibson-Hill, 'Notes on the Series "Papers on Malay Subjects", dalam JMBRAS, Vol. 25, Part 1, 1952, pp. 194-9, dan R.O. Winstedt, 'Richard James Wilkinson (1867-5 December 1941), dalam JMBRAS, Vol. 20, Part 1, 1947, pp. 143-4.

Berhubung dengan penulisan A. Caldecott, penulisan tersebut dihasilkannya semasa beliau menjadi Pegawai Daerah Jelebu (1911-1912). Penulisan A. Caldecott itu berjudul, "Jelebu: Its History and Constitution". Di dalam penulisan, A. Caldecott telah menghuraikan tentang sejarah dan perlembagaan Jelebu secara mendalam. Di dalam penulisan inilah A. Caldecott telah menyatakan bahawa Waris Sarin iaitu salah satu dari 'Waris Berundang' terbahagi kepada dua iaitu Waris Sarin 'A' dan Waris Sarin 'B'.[120] Tetapi kemudiannya iaitu di tahun 1980, kenyataan A. Caldecott tentang pembahagian Waris Sarin itu telah dipertikaikan.[121]

iii. *Kesan Kedatangan Inggeris ke atas Pentadbiran Adat.*

Sejak kemasukkan Inggeris di Sungai Ujong pada 1874, pengaruhnya telah menular ke daerah-daerah lain di seluruh Negeri Sembilan termasuk Jelebu. Minat Inggeris yang mendalam terhadap Jelebu ditunjukkan oleh Sir Frederick Weld iaitu setelah ia menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat pada 6hb. Mei 1880. Weld merasakan bahawa Jelebu yang merupakan salah satu dari jiran Sungai Ujong, perlu 'dirapatkan' dengan pentadbiran Sungai Ujong. Pada 14hb. December 1982, Weld dalam suratnya kepada Lord Durby iaitu Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan di London telah menyatakan tentang minatnya terhadap Jelebu dan peripentingnya Jelebu kepada Sungai Ujong yang telah terletak di bawah pentadbiran Inggeris. Antara kandungan surat Weld itu adalah seperti berikut;

---

120 Lihat A. Caldecott, Jelebu: Its History pp. 35-6.

121 Pertikaian tentang pembahagian Waris Sarin ini adalah berkaitan dengan sifat peribadi Dato' Abdullah. Perkaitan ini akan disentuh secara khusus dalam bab keempat nanti.

> The revenue of Sungai Ujong needed a boost and Jelebu, 'rich in tin', was the means towards this end; five miles of road would connect it with our road system and the tin would be largely worked and greatly increase the revenue of Sungai Ujong.[122]

Hasrat Inggeris untuk memasukkan Jelebu ke dalam pentadbiran Sungai Ujong nampaknya tercapai apabila termeterinya perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Jelebu dengan Kerajaan Inggeris seperti yang telah disentuh sebelum ini. Dalam perjanjian tahun 1883 misalnya, sekalipun Residen tidak ditempatkan di Jelebu tetapi dengan adanya seorang pegawai daerah di sana, ianya sudah cukup untuk meletakkan Jelebu di bawah kekuasaan Inggeris.[123]

Dengan bertapaknya Inggeris di Jelebu, ia telah melakukan berbagai-bagai perubahan agar wujud sebuah pentadbiran yang cekap di sana. Pentadbiran yang cekap ini adalah perlu kerana ini akan memudahkan bagi Inggeris untuk mengaut keuntungan yang ada di Jelebu. Hakikat ini memang tidak dapat kita nafikan seperti kata Jagjit Singh Sidhu;

> The main priority of the British administration in the Federated Malay States was to establish an effective and efficient system of government so as to create stable conditions conductive to the successful economic exploitation of the country.[124]

---

[122] Philip Loh Fook Seng, 'The Malay States 1877-1895 : Political Change and Social Policy', Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, p. 50.

[123] Ibid., pp. 57-8.

[124] Jagjit Singh Sidhu, op. cit., p. 135.

Perubahan-perubahan yang dilakukan oleh Inggeris ini, memberi kesan yang amat mendalam ke atas pentadbiran adat di Jelebu. Sebagai contohnya, didapati kuasa Undang dan Dato'-dato' Lembaga di Jelebu semakin berkurangan. Perlu diingat bahawa pegawai daerah di Jelebu memerintah daerah tersebut dengan pertolongan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung. Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung ini adalah berbeza dengan Dato'-dato' Lembaga yang ada di Jelebu. Ini adalah kerana Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dilantik oleh kerajaan; manakala Dato'-dato' Lembaga pula dilantik oleh rakyat.[125]

J.M. Gullick telah menegaskan bahawa dengan kehadiran Pegawai Daerah dan pengwujudan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di Jelebu telah menyebabkan, 'Undang hilang hak kekuasaan untuk memerintah luaknya sendiri dan Dato'-dato' Lembaga pula hilang kuasa untuk menguasai suku-sukunya.'[126] Apa yang lebih ketara lagi ialah wujudnya hubungan yang tegang antara pemimpin-pemimpin tradisional dan pemimpin-pemimpin moden yang dibentuk oleh kerajaan kerana kedua-dua jenis pemimpin ini cuba menerapkan kuasa mereka ke atas masyarakat dan wilayah yang sama.[127]

Menurut M.G. Swift, hubungan yang tegang sentiasa wujud di antara Dato'-dato' Lembaga dengan ketua-ketua kampung. Dato'-dato' Lembaga menganggap ketua-ketua kampung sebagai orang yang merampas kuasa mereka dan bagi ketua-ketua kampung pula mereka menganggap Dato'-dato' Lembaga

---

[125] Abdullah Siddik, op. cit., h. 127.

[126] J.M. Gullick, 'Law and the Adat Perpateh: A Problem from Jelebu', dalam JMBRAS, Vol 54, Part 1, June 1981, p. 16.

[127] M.G. Swift, op. cit., p. 78.

ini sebagai 'pengacau'.[128] Nampaknya kedua-dua jenis pemimpin ini tidak bekerjasama bagi menjaga kebajikan masyarakat tetapi sebaliknya lebih mementingkan soal kuasa dan status. Hubungan yang tegang juga wujud di antara penghulu-penghulu mukim dengan Dato'-dato' Lembaga tetapi ketegangan ini tidaklah sehebat ketegangan antara ketua-ketua kampung dengan Dato'-dato' Lembaga. Swift telah mengemukakan alasan berikut kenapa keadaan yang sedemikian berlaku:

> The Penghulu is more obviously the representative of government and normally confines his concern with village affairs to his official capacity. Also, the Penghulu will normally quality for membership of the educated upper class, and will be more an official than a villager.[129]

Jelas bahawa Dato'-dato' Lembaga umumnya menerima kedudukan penghulu mukim ini kerana mereka ini termasuk dalam golongan terpelajar dan mempunyai status yang lebih tinggi dari masyarakat yang dipimpinnya. Ketua-ketua kampung pula, mereka dianggap sebagai 'orang kampungan' yang mana secara umumnya taraf hidup, taraf pelajaran dan cara hidup mereka lebih kurang sama dengan Dato'-dato' Lembaga.[130]

Kalau diperhatikan di daerah Kuala Pilah, Dato'-dato' Lembaganya telah membentuk sebuah kesatuan di antara mereka yang mana kesatuan ini adalah bertujuan untuk menyekat pengaruh ketua-ketua kampung. Di Jelebu

---

[128] Ibid., p. 80.

[129] Ibid, pp. 80-1.

[130] Ibid., 81.

pada tahun 1960, usaha-usaha yang sama telah cuba dibuat oleh Dato'-dato' Lembaga tetapi hanya telah mendapat tentangan dari pegawai daerah.[131]

Walau bagaimanapun kedudukan Undang sebagai pemerintah di Jelebu masih dihormati dan dipandang mulia. Dalam perlantikan seseorang penghulu mukim oleh kerajaan misalnya, ia perlu mendapat persetujuan dari Undang terlebih dahulu.[132] Sekalipun dikatakan bahawa kedudukan Undang masih dihormati dan dipandang mulia, tetapi nampaknya kuasa Undang ini semakin tergugat. Dengan adanya institusi kehakiman misalnya, peranan Undang sebagai hakim telah terjejas di mana ia tidak lagi dapat mengadili kesalahan-kesalahan seperti membunuh atau mencederakan orang lain.[133] Kerana itulah sejak adanya institusi kehakiman, kuasa Undang telah di-tetapkan sebagai berikut;

> Kata bercari kepada Undang,
> Sah batal kepada Undang,
> Hidup mati kepada keadilan.[134]

---

[131] Ibid., p. 81.

[132] Ibid., p. 80.

[133] Undang bukan sahaja tidak dapat mengadili kesalahan-kesalahan seperti itu, malah ada kalanya Undang terpaksa meminta jasa baik Inggeris dalam hal-hal yang berkaitan dengan kehakiman ini. Pada 16hb. Julai 1895 misalnya, Dato' Syed Ali Al Jafri telah meminta jasa baik majistrate supaya membenarkan beliau untuk menjamin anakbuahnya Hassan dan Khatib yang telah didapati bersalah menyerang orang lain. Lihat, 'Wishes to Bail Hassan and Khatib who were detained by the court', dalam Negeri Sembilan Secretariat Files, MISC 1443/1895.

[134] Sheehan, J.J. dan Abdul Aziz Khamis, 'Adat Kuala Pilah' dalam JMBRAS, Vol. 14, No. 3, 1936, h. 195.

Ini adalah merupakan satu bukti bahawa adat itu sendiri adalah dinamis dan ia berubah mengikut peredaran zaman, 'sekali air gadang, sekali tepian berubah.'

Walau apa pun, Undang nampaknya masih diberi wibawa oleh Inggeris untuk menjadi ketua agama dan adat sepertimana juga halnya dengan pemerintah-pemerintah di negeri-negeri lain. Sehubungan dengan ini, Swift telah menulis;

> Matters of Malay custom and religion remained the province of the Undang, each in his district...[135]

Dato'-dato' Lembaga yang ada di Jelebu telah mengalami nasib yang lebih buruk dari Undang. Kuasa mereka bukan sahaja 'disaingi' oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, malah lebih malang lagi pembaharuan yang dibawa oleh Inggeris seolah-olah mereka telah kehilangan fungsi. Satu contoh yang nyata ialah berhubung dengan pemindahan tanah pusaka. Sebelum kedatangan Inggeris, soal pemindahan tanah pusaka adalah terletak di bawah kuasa Dato-dato' Lembaga. Tetapi selepas kedatangan Inggeris ia telah memperkenalkan 'Land Tenure Enactment' iaitu pada tahun 1887. Di bawah Enekmen ini pegawai-pegawai kerajaan di Pejabat Daerah telah diberi kuasa untuk menjaga sebarang soal berhubung dengan pemindahan tanah pusaka. Sebaliknya Dato'-dato' Lembaga hanyalah berperanan sebagai saksi yang pakar dalam memberi keterangan tentang kedudukan perkara yang timbul, pertalian sanak saudara yang berkaitan

---

[135] M.G. Swift, op. cit., p. 12.

dan sebagainya.[136] Berhubung dengan kedudukan Dato'-dato' Lembaga ini, Abdul Kahar Bador telah mencatitkannya sebagai berikut;

> The clan-head who in days before the Enactment, decided transaction, since then was reduced to the role of technical witness, giving evidence as to the correct 'custom' the kinship connections and the previous history of each case, and the collector is not even bound to accept the evidence.[137]

Kedatangan Inggeris juga telah meninggalkan kesan yang mendalam ke atas masyarakat Jelebu secara keseluruhannya. Sebagai contohnya, telah wujud pembahagian kelas dalam masyarakat yang sama pembahagian kelas ini pada umumnya adalah berasaskan kepada ekonomi.[138] Malah apa yang ketara lagi ialah wujudnya generasi yang lebih didedahkan kepada unsur-unsur 'materialism' dan mereka mula menganggap adat perpatih sebagai kuno dan tidak sesuai lagi diamalkan di zaman moden ini. Mereka juga telah cuba untuk mengalih perbilangan adat yang mengatakan, 'biar mati anak, jangan mati adat' kepada mati adat, jangan mati anak'.[139]

---

[136] Abdullah Siddik, op. cit., h. 148.

[137] Abdul Kahar Bador, 'Kinship and Marriage among the Negeri Sembilan Malays', Latihan Akademik M.A., Universiti London, 1963, p. 171.

[138] M.G. Swift, op. cit., pp. 147-9.

[139] J.M. Gullick, Law and the Adat Perpatih : A Problem p. 18.

BIBLIOGRAFI

SUMBER UTAMA

Minit Mesyuarat Khas Dato'-dato' Lembaga, Bilangan (32) dalam Pejabat Daerah Jelebu 087/1/3.

"Notes on the Constitution of Jelebu, With a Short Note In English of a Trip to Jelebu", Suratan Harvey, SP 16/2/1, 10 Jun 1884.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972.

"Report of the Federation of Malaya Constitution Commission", Government Printer, Kuala Lumpur, 1957.

The Federation of Malaya Agreement, Government Press, Kuala Lumpur, 1948.

The Negeri Sembilan Agreement 1948 and Constitution, Government Press, 1952.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1959.

"Wishes to Bail Hassan and Khatib who were Detained by the Court", Negeri Sembilan Secretariat Files, MISC 1443/1895.

SUMBER KEDUA

Abdullah Ayub, Cara Pemerintahan Tanah Melayu (1957-1963), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Abdul Ghani Shamaruddin, "Undang Luak Jelebu : Adat Pertabalan", Bahasa, Vol. 2, No. 1, 1959.

_____, "Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubuk Lain Ikan", Dewan Masyarakat, Mac 1964.

_____, "Sekali Air Bah Sekali Tanjung Berubah", Dewan Masyarakat, Februari 1983.

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Malay Co-op Printing Society, Seremban, 1968.

Adil, Persatuan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Kuala Lumpur, April 1981.

Allen, J. de V., The Malayan Union, Yale University, New Haven, 1967.

Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.

Caldecott, A., "Jelebu Customary Songs and Sayings", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 78, 1918.

_____, "Jelebu: Its History and Constitution", Papers on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1912.

Cenderamata Istiadat Tabal Ke Bawah Kaus Y.A.M. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Abu Bakar bin Maamor, Chang Litho Press, Seremban, 1981.

Cenderamata Istiadat Tabal Ke Bawah Kaus Y.A.M. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Musa bin Wahab, Percitakan Negeri, Seremban, 1981.

Cowan, C.D., Tanah Melayu Kurun Kesembilanbelas : Asal Usul Penguasaan Politik British, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.

Gibson-Hill, C.A.,"Notes on the Series "Papers on Malay Subjects", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 25, Part 1, 1952.

Gullick, J.M., "Law and the Adat Perpateh : A Problem from Jelebu", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 54, Part 1, June 1981.

_____,Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

_____, "The Election of An Undang of Jelebu", Man, Vol. 46, September-October 1946.

Hooker, M.B., Adat Laws In Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.

_____, "The Relationship Between the Adat and State Constitution of Negri Sembilan", Journal of the Malayan Branch of theRoyal Asiatic Society, Vol. 42, Part 2, 1969.

Ibrahim Mustafa, "Jelebu dalam Sejarah", Warisan, Bilangan 7, 1982/1983.

_____, "Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan", Warisan, 1981.

Josselin De Jong, P.E. De, Minangkabau and Negri Sembilan : Social Political Structure In Indonesia, Bhratara, Djakarta, 1960.

Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-1873, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.

Lister, M., "Malay Law in Negri Sembilan", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No.22, June 1890.

_____,"The Negri Sembilan : Their Origin and Constitution", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 19, 1887.

Loh Fook Seng, Philip, The Malay States 1877-1895 : Political Change and Social Policy, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969.

Maxwell, W.G., and Gibson, W.S., Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo, Truscott and Sons Ltd., London, 1924.

Milne, R.S., dan Mauzy, D.K., Politik Kerajaan Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

Mohamed Suffian Hashim, Mengenal Perlembagaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

Mohd. Din Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol. 2, No. 2, 1964.

Mohd. Salleh Abas, Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Sejarah Perlembagaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

Mohtar H. Md. Dom, Malaysian Customary Laws and Usage, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1979.

Nathan, J.E., and Winstedt, R.O., "Johol-Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunong Pasir and Terachi : Their and Constitution", dalam Papers on Malay Subject, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

Newbold, T.J., British Settlements in the Straits of Malacca, Vol.2, John Murray, London, 1839.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1982.

O'Brien, H.A., "Jelebu", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 14, 1884.

Parr, C.W.C., and Mackray, W.H., "Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Custom", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 56, 1910.

Roff, W.R., Nasionalisma Melayu, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Sadka, Emily, The Protected Malay States 1874-1895, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.

Sheehan, J.J., dan Abdul Aziz Khamis, "Adat Kuala Pilah", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 14, No. 3, 1936.

Sidhu, Jagjit Singh, Administration in the Federated Malay States 1896-1920, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980.

Stockwell, A.J., "British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment", The Malaysia Branch of of the Royal Asiatic Society, Monograph No. 8, Kuala Lumpur, 1979.

Swift, M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, The Athlone Press, University of London, London, 1965.

UMNO 20 Tahun, Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Kuala Lumpur, 1966.

Wilkinson, R.J., "Notes on the Negri Sembilan", Papers on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1911.

Wintedt, R.O., "Negeri Sembilan : The History, Polity and Beliefs of the Nine States", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 12, October 1934.

_____,"Richard James Wilkinson (1867-5 December 1941)", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 20, Part 1, 1947.

Wu Min Aun, Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1982.

LATIHAN ILMIAH/TISIS

Abdul Kahar Bador, "Kinship and Marriage among the Negeri Sembilan Malays", (M.A. Tisis, University of London, London, 1963).

Noraini Talib, "Institusi Undang Luak Johol", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978/79).

KERTAS KERJA

Khoo Kay Kim, "Sistem Politik Negeri Sembilan", Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Anjuran Belia Negeri Sembilan pada 10-12 April, 1974.

Nordin Selat, "Pemimpin Dalam Adat Perpatih", Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Anjuran Belia Negeri Sembilan pada 10-12 April, 1974.

Zulkepley Dahalan, "Konflik Dalam Pemilihan Ketua Adat", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan Anjuran Bersama Universiti Pertanian Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 3-5 Mei 1984.

TRANSKRIPSI SEJARAH LISAN

"Krisis Perlantikan Undang Jelebu 1980", Transkripsi Sejarah Lisan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1983/84.

AKHBAR

Berita Harian, 8.2.1980

Utusan Malaysia, 21.11.1979

_____, 5.2.1980

Utusan Malaysia, 6.2.1980

_____, 7.2.1980

Utusan Melayu, 31.5.1980

RESPONDEN YANG DIWAWANCARA

1. Nama : Abdul Ghani Shamaruddin
   Alamat : Balai Mengkan, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Umur : 58 tahun
   Tarikh Wawancara : 25hb. dan 28hb. September 1984.
   Kaitan Responden Dengan Kajian: Beliau merupakan Dato' Ombi di-luak Jelebu dan mula memegang jawatan tersebut setelah Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus dipecat. Beliau juga merupakan seorang yang dianggap 'pakar' dalam hal-ehwal adat dan banyak menghasilkan artikel-artikel berhubung dengan adat yang di-pakai di Negeri Sembilan.

2. Nama : Ahmad bin Abu
   Alamat : Kampung Kemin, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Umur : 60 tahun
   Tarikh Wawancara : 22hb. Februari 1985.
   Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Cincang dan salah seorang dari Dato' Lembaga Lapan yang me-nentang perlantikan Dato' Musa sebagai Undang Luak Jelebu.

3. Nama; Ismail bin Kassim
   Alamat : Istana Hinggap, Seremban, Negeri Sembilan.
   Umur : 60 tahun
   Tarikh Wawancara : 4hb. Januari 1985.
   Kaitan Responden Dengan Kajian: Beliau merupakan Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang me-rangkap Setiausaha Sulit Yang Di-Pertuan Besar. Sebagai Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang, beliau turut memainkan peranan yang pen-ting dalam peristiwa krisis per-lantikan Undang Jelebu 1980.

4. Nama : Kecik bin Kiman
   Alamat : Kampung Jelin, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Umur : 70 tahun

Tarikh Wawancara : 21 Februari 1985.

Kaitan Responden Dengan Kajian: Beliau memegang jawatan Dato' Raja Diraja dan memainkan peranan yang penting dalam menuntut jawatan Undang di-Jelebu pada tahun 1980.

5. Nama : Musa bin Wahab

Umur : 47 tahun

Alamat : Balai Undang Luak Jelebu, Kuala Klawang, Jelebu.

Tarikh Wawancara : 25 September 1984.

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan Undang Luak Jelebu yang ada sekarang ini. Perlantikan beliau sebagai Undang Luak Jelebu telah di-tentang oleh tujuh orang Dato'-dato Lembaga yang Lapan.

6. Nama : Raja Sirajudin bin Raja Jaafar

Umur : 57 tahun

Alamat : Kampung Peradong, Jelebu, Negeri Sembilan.

Tarikh Wawancara : 21 Februari 1985.

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan abang ipar kepada Dato' Musa bin Wahab iaitu Undang Jelebu sekarang. Beliau turut memainkan peranan dalam menuntut jawatan Undang di Jelebu pada tahun 1980.

7. Nama : Sulaiman bin Abdul Ghani

Umur : 80 tahun

Alamat : Kampung Simpang Gelami, Peradong, Jelebu, Negeri Sembilan.

Tarikh Wawancara : 21 Februari 1985.

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Paduka Menti iaitu Ketua Waris Sarin 'A'. Beliau juga merupakan salah seorang dari Dato' Lembaga yang Lapan yang menentang perlantikan Dato' Musa bin Wahab sebagai Undang Luak Jelebu.

8. Nama : Syed Idrus bin Syed Muhammad
   Umur : 58 tahun
   Alamat : Balai Tunku Besar Tampin, Tampin, Negeri Sembilan.
   Tarikh Wawancara : 1hb. Mac 1985
   Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan Tunku Besar Tampin dan salah seorang dari ahli Dewan Keadilan dan Undang.

9. Nama : Syed Ismail bin Syed Ali
   Umur : 68 tahun
   Alamat : Kampung Jelin, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Tarikh Wawancara : 22hb. dan 23hb. Februari 1985
   Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Raja Balang iaitu seorang ketua 'Waris Berundang' di Jelebu. Beliau turut menentang perlantikan Dato' Musa sebagai Undang Luak Jelebu.

10. Nama : Syed Zin bin Syed Hussin
    Umur : 70 tahun
    Alamat : Kampung Tampin Tengah, Tampin, Negeri Sembilan.
    Tarikh Wawancara : 7hb. Oktober 1984 dan 7hb. Februari 1985
    Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan salah seorang calon Undang yang dikemukakan oleh Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda. Pada 31hb. Disember 1980, ketujuh-tujuh orang Dato' Lembaga yang menentang perlantikan Dato' Musa bin Wahab telah melantik beliau (Syed Zin) sebagai Undang dan menganggap Syed Zin ini sebagai 'Undang Adat'.

11. Nama : Ujang bin Mohar

Umur : 78 tahun

Alamat : Kampung Kampai, Jelebu, Negeri Sembilan.

Tarikh Wawancara : 15hb. November 1984

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Cincang yang berkhidmat semasa Haji Abu Bakar Maamor menjadi Undang Luak Jelebu. Sebagai salah seorang bekas Dato' Lembaga, beliau mengambil berat tentang peristiwa krisis perlantikan Undang Jelebu 1980.

LAMPIRAN 1a



DAERAH-DAERAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN

LAMPIRAN 1 b



DAERAH JELEBU

LAMPIRAN 2

Salasilah Yamtuan Jelebu



(Sumber: Haji Buyong Adil, op. cit., b. 25)

LAMPIRAN 3 a



فرجنجين دانا يقدم فرتوان دسريمنتي دغن اندغ يغامغة

1 ديوا دغن ستكوه يت يغدم فرتوان اندغ يغامغة فرتوان انت نا معوديات صاوه موحنوبن انا اندغ يغامغة
وتيام واتو تيلان فرتوه اندغ ريسوتي موجه كدواداه اسدوبلا مستة باحرا ارمان صاوه ن حاد وتيلاه واتو جوه من نمدا اون ليلا فرتوه توسيت وان جوه
زان كاستة فرتوه اسدي داج دسوكل اداه يغامغة يغ انا غ يغامغة يغ لم توان ميسيه بن تلامه كوبي فرتوان عادة تاكي وان نف الاعتاد فرتوه اوا
اوه تغوه اجيان وه هولوكا الايانة

2 اندغ يغامغة يغ سكل اتكب اليانة يغامغة معاديد يغ انا جاديد داج دوم تاكي ليه ان ماه ان مغيكيغ فرتوان اخلوه فرتوه اوا اجيان يغ تغوه

3 اذغون دريعاليت تغده دريعان وه دم تكوب ليه ان اوه تكوه دم الوان فرتوه هولوان بيا مواليت تجمه وبي وه يعا الفرتوه اغن عادة تاكوب الو
حكم شرعيه يغكيغ اوه يغبرلاكوه دم الوانغن دسريغ وهاسب اوي وغن بوست انه غن فرتوان موبتش ميسيه بن تاكوبي ميسيه ان بيا اوكه مدغ غن بغدبيت.

4 جيغكاه يغ يغكيغ فرسيد من واتارا اندغ وغن اندغ يغ يانة دريعاليت غن الوانغ يغ يكاسيه ان اندغ يغ ايه وانة مغاوه بيت تكوكه ما اوه بيا
بيت يتجمه وبي سن مغعوا اوكن دريعاليت انت اتيجيه فه اوي اندغ يغامغة اتوه ميسيه وه دم الفريسا اندغ يغامغة يغ وانة مغه وفرمغاوه وكن حاد الو
وغن دموغ يغ يا الله اوكوبيت تريم اكن نغاغون سوبكات.

5 دان اكسيه وه دارا اي يغدم وا وه دم الفرتوان بغ جوان يغ يا الله اندغ يغامغة يغ مغاوه بيت وه دم الستان ميسيه ميستي ميلين كن جوا
وفرتوان اوه تزالفرتوه وه دم الوانغن مسايغ ه اكستا يغ حكوبيت مسواه اسسواه فاجاد ان فرسيغ يغ يكيغ كه جوبن سسه تكوجاديت فرسيا اكن اندغ يغامغة
هندقا اوه اندغ يغامغة جيغ ناكن دريعاليت.

6 جيك يغدم فرتوان اتيغ مغدبيه كن جاد وسيا اندغ يغامغة يغ اتوه ميسيه من اسس ماه ان القدم بيسيغ وه اكه سزة واة اسس ماه ان

7 تمهلان هندقا اندغ يغامغة يغ فرتوان وان وه دم الفرتوان ميسيه وه دم الفرتوان وه طابنكان جاديد يغ فرتوان مغيكيغ يغ كمان
ملتمادة فرتوان سطابنكان يغدم فرتوان يغدم وا يغ جه زه يغكيغ اوي

AGREEMENT BETWEEN HIS MAJESTY'S GOVERNMENT WITHIN THE UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND AND THE STATE OF NEGRI SEMBILAN.

WHEREAS mutual agreements subsist between His Britannic Majesty and His Highness the Yang di-pertuan Besar and the Rulers of the States which form the territory known as the Negri Sembilan:

AND WHEREAS it is expedient to provide for the constitutional development of the Malay States under the protection of His Majesty and for the future government of the State of Negri Sembilan:

IT IS HEREBY AGREED between Sir Harold MacMichael, G.C.M.G., D.S.O., the Special Representative of His Majesty's Government within the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland on behalf of His Majesty and His Highness Tuanku Abdul Rahman, K.C.M.G., ibni al-Marhum Yam Tuan Muhammad the Yang di-pertuan Besar and the Rulers of the States which form the territory known as the Negri Sembilan for themselves, their heirs and successors:-

1. His Highness the Yang di-pertuan Besar and the Rulers of the States forming the territory of the Negri Sembilan agree that His Majesty shall have full power and jurisdiction within the State of Negri Sembilan.

2. Save in so far as the subsisting agreements are inconsistent with this Agreement or with such future constitutional arrangements for Malaya as may be approved by His Majesty, the said agreements shall remain of full force and effect.

Signed this 14 day of November 1945.

(Sgd) H.A.MacMichael
Special Representative of His Majesty's Government within the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.

Witnessed by:-
(Sgd) H.T.Bourdillon

(Sgd) Abdul Rahman
His Highness the Yang di-pertuan Besar.

Witnessed by:-
(Sgd) Tunku Nasir

(Sgd.) in Arabic
The Dato Klana Petra of
Sungei Ujong.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Ja'afar

(Sgd.) Shahmaruddin
The Dato Penghulu of Jelebu,
Mendika Mentri Akhirzaman

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Hussain

(Sgd.) in Arabic
The Dato Penghulu of Johol,
Johan Pahlawan Lela Perkasa
Setiawan.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Hussain

(Sgd.) D.Hipap
The Dato Penghulu of Rembau,
Lela Maharaja.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Hussain

(Sgd.) T.Sharipah Loyah
Acting Tunku Besar of Tampin.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Nasir

(Sumbangan:Arkib Negara Malaysia)

Tel. No.: Kuala Klawang 210
Bil. (3) dlm. BUJ/A/119
File No.....

BALAI UNDANG,
LUAK JELEBU,
NEGERI SEMBILAN
24hb. November, 79
Kuala Klawang.....19.....

Yang Mulia,
Kapada.....
Dato' Othman bin Baginda, Pemangku Undang,
.....Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari

بالي اونداغ، لواق جلبو،
نكري سمبيلن

كوالا كلاوغ.....13
.....كفد
.....

Dato',

Permintaan Lembega Yang Tiga Mengadakan
Undang Baru Menggantikan Allah Yerham
Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Ma'amor

Kedatangan Dato'-Dato' Lembaga Yang Tiga Bagi Mengadakan Undang Yang Baru akan disaksikan oleh Yang Berbahgia Tuan Pegawai Daerah Jelebu di Balai Undang Jelebu pada 26hb. November, 1979 bersamaan hari Isnin jam 9.00 pagi.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar,

Haji Aman bin Haji Sidek,
Dato' Mengiang Merah Dangsa.

s.k

Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela.

Tel. No.: Kuala Klawang 210

File No. Bil. (4) dlm. BUJ/A/119

BALAI UNDANG,
LUAK JELEBU,
NEGERI SEMBILAN

Kuala Klawang, 27hb. November, 19 79

Kepada Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela,
(Syed Alwi bin Syed Idrus, PJK),
Batu 4, Kampong Peradong,
Jelebu.

بالي اوندغ، لواق جنبو،
نكري سمبيلن

كوالا كلاوغ.....19

كفد.....

.....

Dato',

Menimbulkan Undang Yang Baru

Adalah dimaklumkan kepada Dato' iaitu berhubung dengan perkara yang diatas diharap Dato' akan hadir ke Balai Undang Jelebu pada 27hb. November, 1979 bersamaan hari Selasa bagi urusan tersebut.

Kehadiran Dato' sangat-sangat diharapi. Terima kasih.

(OTHMAN BIN BAGINDA)
Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari,
Pemangku Undang Luak Jelebu.

s.k

Tuan Pegawai Daerah,
Jelebu.

Tel. No.: Kuala Klawang 210

File No. Bil. (5) dlm BUJ/A/119

BALAI UNDANG,
LUAK JELEBU.
NEGERI SEMBILAN
28hb. November, 79

Kuala Klawang ..... 19.....

Kapada Y.M Dato' Paduka Menti Sulaiman bin Abdul Ghani, PJK; PKL
Y.M Dato' Raja Balang Syed Ismail bin Syed Ali
Y.M Dato' Maharaja Inda Sharif bin Sakaf

بالي اوندغ، نواق جلبو،
نكري سمبيلن

كوالا كلاوغ 13

كفد .....

Dato',

Menimbulkan Bakal Undang Luak Jelebu

Dengan hormatnya dimaklumkan haraplah Dato'-Dato' yang tersebut diatas, khasnya Dato' Paduka Menti, iaitu Bakal-Bakal ini dipileh giliran-nya daripada Perut Sarin, tua warisnya ialah Dato' Paduka Menti.

